

# Kejuaraan silat capai kemajuan

Oleh **TENGGU  
FAUZIAH NGAH**

**S**ERAMAI 129 pesilat menyertai Kejuaraan Silat Olahraga Peringkat Kebangsaan Ketiga di Stadium Negeri Kuala Terengganu yang berakhir 30 Disember lalu. **18 JAN 1987**

Semua negeri menghantar pesilat masing-masing kecuali Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Kejuaraan itu berlangsung lima hari bermula 26 Disember yang membabitkan 97 pertandingan.

Kejuaraan itu dipertandingkan mengikut berat badan pesilat yang dibahagikan kepada kelas-kelas tertentu, iaitu Kelas A (40 kilogram), Kelas B (45 kilogram) sehingga kelas I yang mana pertambahan lima kilogram tiap-tiap satu kelas. **B. Minggu 00**

Kejuaraan Silat Olahraga Kebangsaan itu dianjurkan bersama Kerjaan

Negeri Terengganu, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) dan Persatuan Silat Terengganu (Pesilat).

Pengerusi pertandingan itu, Encik Basiron Haji Hamit berkata tema kejuaraan Silat Olahraga kali ini ialah *Pengukuhan Silat Budaya Kebangsaan*.

Antara lain, kejuaraan itu diadakan adalah untuk memperkenalkan serta mendedahkan permainan silat olahraga di kalangan ahli silat, masyarakat tempatan, kelab-klub sukan dan penuntut sekolah kerana permainan itu mencapai di peringkat antarabangsa.

## Pingat

Selain itu, sebagai aktiviti kemuncak bagi Jawatankuasa Silat Olahraga PESAKA yang diberi tanggungjawab memajukan sukan itu melalui kursus-kursus, pertandingan, kejuaraan, seminar, demonstrasi, media massa dan lain-lain.

Katanya, kejuaraan silat olahraga ini kali per-

tama diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1984 dan kali keduanya diadakan di Johor Bahru pada tahun 1985.

Sebelum ini, Malaysia pernah menyertai kejuaraan itu di peringkat antarabangsa yang diadakan di Jakarta dan Australia dan memenangi beberapa pingat dalam pertandingan itu. Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah kejuaraan itu pada pertengahan tahun ini.

Encik Basiron berbangga kerana kemajuan dapat dicapai melalui kejuaraan yang dipertandingkan dan berharap pencapaian itu akan meningkat di masa-masa akan datang.

Dalam kejuaraan silat olahraga yang berlangsung di negeri Terengganu baru-baru ini, Pasukan Seni Silat Gayung Malaysia muncul sebagai pasukan terbaik. Gayung Malaysia memperoleh tiga pingat emas dan satu perak serta piola pasukan terbaik sumbangan PESAKA.

Manakala pesilat terbaik dimenangi oleh Ahmad Wardi Salim (kelas

B) dari Melaka yang menerima piola sumbangan Menteri Besar Terengganu dan pesilat harapan dimenangi oleh Azmi Abdul Manaf (kelas B) dari Terengganu menerima piola sumbangan PESAKA.

Keputusan penuh dalam kejuaraan itu ialah Kelas A: Johan—Mohamad Rafi Yaakub (Selangor), naib johan—Mohamad Fauzia Mansor (Kedah), Kelas B: Johan—Ahmad Wardi Salim (Melaka), naib johan—Azmi Abdul Manaf (Terengganu), Kelas C: Johan—Ahmad Khusaidi Ibrahim (Gayung), naib johan—Mohamad Khairi Abdul Rahman (Selangor), Kelas D: Johan—Zakri Ibrahim (Wilayah), naib johan—Che Wan Ngah (Terengganu). **18 JAN 1987**

Kelas E: Johan—Abdul Razak Ismai (Terengganu), naib johan—Mohamad Ali Lat (Gayung), Kelas F: Johan—Mohamad Fauzi Othman (Gayung), naib johan—Mohamad Yazik Ariffin (Fatani), Kelas G: Johan—Wan Mohamad